

Parti lawan tidak mampu jadi pengantara

BH 24 MAR 2000

MENTAKAB, Khamis – Calonparti pembangkang tidak mungkin mampu menjadi penghubung antara pengundi dan kerajaan negeri walaupun memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang kerana kedua-duanya daripada parti yang berbeza.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata hanya calon Barisan Nasional (BN) dapat meneruskan kesinambungan usaha yang dirancang oleh bekas Adun terdahulu.

“Jika mereka memilih untuk mengundi calonparti lain selain BN, bermakna mereka akan kehilangan satu daripada saluran penting untuk berhubung dengan kerajaan yang ada sekarang.

“Sewaktu pilihan raya umum lalu, kita belum tahu siapa yang akan menubuhkan kerajaan negeri tetapi sekarang ini kerajaan yang sah adalah kerajaan BN.

“Sehubungan itu, pengundi janganlah terpengaruh dengan hujah pembangkang, kononnya jika calon Pas menang sekalipun, ia tidak akan menjejaskan kepemimpinan negeri yang masih kekal dengan dua pertiga majoriti,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Umno Bahagian Mentakab, di sini, hari ini.

Sebaliknya, Khalil berkata seseorang wakil rakyat tentu perlu berhubung dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan pelbagai kemudahan untuk rakyat yang diwakilinya, terutama yang berkaitan pembelaan nasib rakyat yang masih belum selesai.

Beliau berharap pengundi akan memberi perhatian serius untuk menentukan siapakah yang layak menjadi wakil mereka serta tidak mudah terpengaruh kerana

wakil pembangkang tidak akan dapat menjadi jambatan antara pengundi dan kerajaan.

Katanya, tanggapan kononnya suara pembangkang akan lebih kuat dalam DUN tidak membawa sebarang makna kerana yang penting ialah pelaksanaan, bukan sekadar suara.

Beliau berharap pengundi masih ingat lagi penjelasan yang dibuat oleh BN dalam manifesto pilihan raya umum lalu, mengenai matlamat, perancangan dan wawasan perjuangan BN.

Khalil berkata, berdasarkan bilangan ahli Umno di kawasan Sanggang, calon BN akan mendapat kemenangan jika semua ahlinya keluar mengundi.

“Jika semua ahlinya menjalankan tanggungjawab dan mengundi BN, sukar parti lawan untuk menang pada pilihan raya kecil ini walau apa juga taktik (pembangkang) digunakan,” katanya.

Khalil yang bertindak sebagai penyelaras jentera parti pada peringkat pusat berkata, beliau berpuas hati dengan perjalanan jentera parti yang bergerak aktif.

Menurutnya, kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bersama-sama mengawasi perjalanan kempen banyak membantu memberi perangsang kepada pekerja parti.

“Saya percaya, setakat ini berdasarkan maklum balas yang diterima, ada peningkatan sokongan terhadap BN.

Beliau menyifatkan kerjasama yang ditunjukkan semua pemimpin tempatan dan semua rakan komponen BN menyediakan rancangan aktiviti masing-masing menunjukkan petanda yang baik.